

NO SOALAN :38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2017

Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah senario terkini keberhutangan di kalangan masyarakat di negara ini dan apakah langkah Kerajaan menangani keberhutangan yang serius.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat penurunan kepada 85.6% pada Jun 2017, berbanding 88.3% pada 2016. Penurunan nisbah ini disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan tahunan hutang isi rumah yang lebih sederhana iaitu sebanyak 5.1%. Sejumlah besar daripada

hutang isi rumah (63%) adalah untuk membeli harta tanah serta pelaburan dalam dana simpanan.

2. Jumlah pinjaman kepada golongan yang mempunyai daya tahan yang rendah, iaitu peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, hanya merangkumi 20.6% (2013: 28.4%) daripada jumlah hutang isi rumah. Kebanyakan peminjam daripada golongan ini mempunyai nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) pada tahap yang berhemat. Lebih separuh daripada hutang yang diluluskan kepada golongan berkenaan mempunyai DSR kurang daripada 40%.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pihak Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah secara berperingkat sejak tahun 2010 bagi memastikan sektor isi rumah kekal mampan dan berdaya tahan. Langkah ini bertujuan untuk memupuk amalan kredit yang bertanggungjawab oleh individu dan institusi kewangan, di samping mengelak isi rumah daripada berhutang secara berlebihan.

4. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menggubal Akta Kredit Pengguna (AKP) bagi memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan aktiviti kredit pengguna di Malaysia. Antara objektif utama AKP tersebut adalah untuk menggalakkan budaya pemberian dan peminjaman kredit yang berhemah dan bertanggungjawab di kalangan pemberi kredit dan pengguna bagi memastikan kesejahteraan kewangan isi rumah. Ini termasuk menjalankan penilaian kemampuan sebelum memberikan pinjaman kepada pengguna bagi memastikan pengguna tidak terdedah kepada risiko pengambilan kredit melebihi tahap kemampuan bayar balik sehingga terpaksa menanggung bebanan hutang yang tinggi.